

# Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang 2009



Editor

9595 Muhammad Redzuan Othman  
PIL Amir Saifude Ghazali



# **PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN BUKIT GANTANG 2009**

**TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# **PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN BUKIT GANTANG 2009**

**EDITOR  
MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN  
AMER SAIFUDE GHAZALI**

**PUSTAKA PERDANA**



**1013574**



**PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATASAN  
KEIMPINAN  
PERDANA**

**PUSAT KAJIAN DEMOKRASI DAN PILIHAN RAYA  
UNIVERSITI MALAYA (UMCEDEL)**

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

Tel: 603-7967 5710/5500 Faks: 603-79675707

Emel: [umcedel@gmail.com](mailto:umcedel@gmail.com)

© PUSAT KAJIAN DEMOKRASI DAN PILIHAN RAYA (UMCEDEL)  
Pertama kali diterbitkan 2013

Semua hak terpelihara, sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).

ISBN: 978-967-11396-1-5

*Dicetak di Malaysia oleh*  
PENERBIT UNIVERSITI MALAYA  
50603 Lembah Pantai  
Kuala Lumpur

320.9595

# Kandungan

1	Pendahuluan	1
2	Sosio-Politik dan Elemen Ruang	7
3	Persepsi Sebelum Pengundian	21
4	Pemilihan dan Profil Calon	29
5	Strategi Kempen Sebagai Pemasaran Politik	39
6	Isu dan Dimensi Keagamaan dalam Kempen Pilihan Raya	51
7	Mesej Kempen Melalui Kain Rentang	65
8	Analisis dan Pola Pengundian	81
9	Penutup	93
10	Bibliografi	97
11	Indeks	103



# Senarai Singkatan

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
BN	-	Barisan Nasional
CD	-	Compact Disc
DAP	-	Democratic Action Party
DR	-	Doktor
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
DVD	-	Digital Versatile Disc
DYMM	-	Duli Yang Maha Mulia
GIS	-	Geographic Information System
ISA	-	Internal Security Act
IPF	-	Indian Progressive Front
KEMAS	-	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KM	-	Kilometer
MB	-	Menteri Besar
MCA	-	Malaysian Chinese Association
MDK	-	Majlis Daerah Kerian
MIC	-	Malaysian Indian Congress
MPT	-	Majlis Perbandaran Taiping
PAS	-	Parti Islam Se-Malaysia
PEKIDA	-	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PKR	-	Parti Keadilan Rakyat
PLUS	-	Projek Lebuhraya Utara Selatan
PPSMI	-	Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
PR	-	Pakatan Rakyat
PRK	-	Pilihan Raya Kecil
PRU	-	Pilihan Raya Umum
RTM	-	Radio Televisyen Malaysia
SDR	-	Saudara
SJKC	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMS	-	Short Messages System
SPR	-	Suruhanjaya Pilihan Raya
SU	-	Setiausaha
UMNO	-	United Malays National Organisation
YAB	-	Yang Amat Behormat
YB	-	Yang Behormat



# Pendahuluan

Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Bukit Gantang yang diadakan pada 7 April 2009 adalah PRK yang ketiga setelah Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-12 yang diadakan pada bulan Mac 2008. PRK ini diadakan serentak dengan PRK Bukit Selambau (Kedah) dan Batang Ai (Sarawak). Dua PRK yang diadakan terdahulu, iaitu PRK Parlimen Permatang Pauh dan PRK Kuala Terengganu yang masing-masing diadakan pada 26 Ogos 2008 dan 17 Januari 2009 telah dimenangi oleh parti pembangkang yang diwakili oleh PKR dan PAS. Keputusan PRK-PRK ini yang menyebelahi parti pembangkang, terutamanya keputusan PRK Parlimen Kuala Terengganu yang sebelumnya merupakan kerusi yang dimenangi oleh BN telah meneruskan kesinambungan momentum pengundi dalam PRU Ke-12 lalu yang masih memberikan sokongan signifikan kepada parti-parti pembangkang.

PRK Bukit Gantang diadakan selepas berlakunya peralihan pemerintahan kerajaan negeri di Perak daripada kerajaan Pakatan Rakyat (PR) di Perak kepada kerajaan Barisan Nasional (BN). Ini berlaku apabila kerajaan PR hilang kelebihan kerusi di DUN berikutan tiga orang ahli DUN PR memilih menjadi ahli Bebas yang menyokong BN sehingga membolehkan BN membentuk kerajaan negeri Perak. Kehilangan kuasa kerajaan PR ini membangkitkan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat apabila tindakan BN disifatkan sebagai merampas kuasa rakyat yang telah memilih kerajaan PR dalam PRU Ke-12 yang lepas. Keputusan PRK Parlimen Bukit Gantang dianggap sebagai menggambarkan manifestasi luahan perasaan rakyat ke atas peristiwa pengambilalihan kerajaan PR di Perak tersebut. Latar belakang sosio politik yang sedemikian telah menjadi motivasi utama untuk melahirkan buku ini yang akan merakamkan perjalanan, suasana, penganalisaan dan impak PRK ini kepada suasana politik negara yang dinamik dan rencam.

Artikel pertama dalam buku ini ditulis oleh Zulkanain Abdul Rahman dan Rosmadi Fauzi yang membincangkan kaitan antara persoalan Sosio-Politik dan Elemen Ruang. Pada bahagian awal, pengarang memberikan gambaran latar belakang berkaitan dengan suasana sosio-politik di Perak menjelang PRK Parlimen Bukit Gantang. Keputusan DYMM Sultan Perak melantik Menteri Besar daripada BN setelah PR kehilangan kelebihan kerusi di DUN merupakan hak mutlak baginda, walaupun tindakan tersebut kurang disenangi oleh rakyat dan PR. Manifestasinya berlaku tunjuk perasaan oleh penyokong PR yang cuba menghalang upacara angkat sumpah Dato' Seri Zambry Abdul Kadir sebagai Menteri Besar Perak yang baru. Namun

begitu, upacara tersebut dapat diteruskan dan telah memulakan episod baru kerajaan BN di Perak. Seterusnya pengarang memberikan tumpuan kepada latar belakang kawasan Parlimen Bukit Gantang yang disifatkan sebagai kawasan luar bandar yang majoriti penduduknya adalah etnik Melayu dengan sebahagian besar mereka bekerja sendiri di kampung-kampung sebagai petani, penternak, peniaga kecil-kecilan ataupun menjadi surirumah sepenuh masa. Walaupun disifatkan sebagai kawasan luar bandar, Parlimen Bukit Gantang dapat dihubungi dengan kemudahan pengangkutan kerana dihubungi oleh rangkaian Lebuh Raya Utara Selatan dan berhampiran dengan bandar-bandar utama seperti Taiping dan Kuala Kangsar. Faktor ini menyebabkan pengaruh dan penyebaran maklumat yang berkaitan dengan pilihan raya agak mudah dan cepat untuk sampai ke kawasan ini. Fenomena ini yang diistilahkan sebagai resapan berhierarki oleh pengarang menyebabkan keputusan PRK Parlimen Bukit Gantang amat relevan dan signifikan bagi menggambarkan suasana semasa sosio politik negeri Perak pada masa tersebut.

Kepentingan dan kehangatan PRK Parlimen Bukit Gantang ini turut terserlah apabila sebuah firma penyelidikan bebas, iaitu Ilham Centre telah melaksanakan penyelidikan berkaitan dengan kecenderungan pengundian di kawasan ini menjelang hari penamaan calon. Mohd. Azlan Zainal dalam artikelnya yang berjudul, "Persepsi Sebelum Pengundian" telah meninjau persepsi 622 pengundi berdaftar di kawasan tersebut berkaitan dengan persoalan calon, parti, isu dan suasana semasa sosio politik. Kajian awal sebelum pilihan raya yang dilaksanakan oleh Ilham Centre ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden (40 peratus) berpendapat bahawa pilihan raya kecil ini akan dimenangi oleh PAS, berbanding 25 peratus yang mengatakan BN akan menang. Pandangan awal responden ini tepat apabila keputusan sebenar PRK Bukit Gantang menyaksikan calon PAS telah berjaya menewaskan calon BN. Keputusan sebenar pilihan raya tersebut menggambarkan *mood* pengundi yang tetap dan tidak berubah semenjak daripada PRU Ke-12 lepas. Kajian tersebut juga meninjau pendapat pengundi berkaitan dengan situasi sosio politik Perak pada masa tersebut. Hasilnya agak menarik apabila sebahagian besar responden (49 peratus) tidak dapat memberikan jawapan yang pasti berkaitan dengan cara terbaik penyelesaian krisis pengambilalihan kerajaan PR Perak oleh pihak BN. Sebahagian responden bersetuju dengan tindakan tersebut dan sebahagian yang lain menganggap tindakan tersebut sebagai tidak wajar. Gambaran ini juga mencerminkan responden di kawasan tersebut agak terbuka dan mempunyai pendirian tersendiri terhadap krisis pengambilalihan kerajaan negeri Perak.

Pemilihan calon yang tepat oleh parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya juga mampu menentukan kemenangan parti politik dalam pilihan raya. Kesilapan memilih calon akan menyebabkan sesebuah parti politik berputih mata dalam pilihan raya. Shaharuddin

Badaruddin melalui artikelnya yang berjudul, "Pemilihan Dan Profil Calon", memperlihatkan bagaimana kedua-dua parti BN dan PAS agak berhati-hati dalam menentukan calon pilihan masing-masing dalam PRK ini. BN telah mengambil pengajaran apabila tidak mencalonkan anak tempatan di kawasan ini yang menyebabkan kekalahan mereka dalam PRU Ke-12 lalu. Lantaran itu, dalam PRK ini BN telah meletakkan calon anak tempatan sebagai taruhan mereka. Begitu juga PAS yang agak berhati-hati dalam soal pemilihan calon dan akhirnya meletakkan bekas Menteri Besar kerajaan PR Perak sebagai calon mereka. Calon PAS ini dipilih berdasarkan percaturan politik dan sentimen rakyat kepada bekas MB tersebut, walaupun beliau bukan merupakan anak tempatan kawasan Parlimen Bukit Gantang. Kedua-dua calon agak seimbang daripada segi kelulusan dan ketokohan serta pernah menjadi pentadbir kerajaan. Namun begitu, akhirnya pengundi Bukit Gantang telah memilih calon PAS sebagai wakil rakyat baru mereka. Kemenangan calon PAS ini disumbangkan oleh sifat simpati pengundi yang melihat beliau sebagai mangsa kerakusan politik BN yang merampas kuasa negeri Perak secara tidak berhemah. Calon BN pula dilihat menjadi mangsa isu peralihan kuasa politik yang tidak bersih dan menutup peluang beliau untuk menunjukkan kebolehan sebagai wakil rakyat.

Seterusnya artikel oleh Mazlan Che Soh dan Shahrudin Badaruddin yang menulis berkaitan dengan Startegi Kempen Sebagai Pemasaran Politik menumpukan perhatian kepada perspektif pemasaran politik yang diaplikasikan kepada proses PRK parlimen Bukit Gantang. Pengarang melihat aspek pemasaran politik sebagai pendekatan baru yang harus diketengahkan oleh parti-parti politik, terutamanya semasa menghadapi pilihan raya. Beberapa model pemasaran politik seperti 'Parti Berorientasikan Produk', 'Parti Berorientasikan Jualan' dan 'Parti Berorientasikan Pasaran' dibincangkan oleh pengarang dengan begitu menarik sekali. Kesemua model ini menggariskan sifat dan karektor parti-parti politik yang bertanding dalam memasarkan produk mereka yang memberikan faedah kepada pelanggan mereka, iaitu rakyat dan pengundi. Untuk tujuan ini produk tersebut juga harus bersifat unik, eksklusif dan mantap yang mampu memikat hati pelanggan. Pada bahagian akhir artikel ini, pengarang juga menghuraikan startegi-startegi yang digunakan oleh parti-parti yang bertanding dalam PRK ini, merangkumi kempen secara konvensional seperti ceramah umum, kempen rumah ke rumah dan juga kempen secara pengiklanan seperti dalam media cetak dan media elektronik. Parti-parti politik yang bertanding juga menjalankan kempen secara interaksi langsung dengan pengundi seperti berkunjung rumah ke rumah, ke kawasan tumpuan di pasar, rumah ibadat dan juga melalui penganjuran program-program riadah dan sosial. Perbincangan pengarang juga menghuraikan dua bentuk kempen yang terbaru, iaitu kempen melalui media teknologi maklumat dan secara pemasaran barangan cenderamata. Media-media teknologi maklumat dalam talian seperti Facebook, Myspace, Twitter, laman-laman web yang diwujudkan oleh penyokong masing-masing telah digunakan secara

maksimum oleh kedua-dua calon parti yang bertanding bagi mendapatkan sokongan pengundi. Bahan-bahan cenderamata seperti baju, topi, payung, pelekat kenderaan dan lencana yang menggunakan logo parti-parti yang bertanding turut dijadikan medium kempen yang telah merencanakan perjalanan PRK ini.

Manakala Norazlan Hadi Yaacob pula membincangkan berkaitan dengan hal-hal keagamaan dalam PRK Bukit Gantang melalui artikel "Isu dan Dimensi Keagamaan dalam Kempen Pilihan Raya". Penumpuan beliau kepada isu-isu agama yang menjadi perkara utama dalam persaingan politik antara UMNO dan PAS yang telah bermula semenjak daripada penubuhan kedua-dua parti politik tersebut. Pertentangan tadi menjadi semakin sengit pada awal tahun 1980-an apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim menyertai UMNO walaupun pada mulanya beliau agak rapat dengan PAS. Persaingan tersebut berterusan dalam era pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohammad sebagai Perdana Menteri sehingga beliau terpaksa mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam. Begitu juga semasa pemerintahan Tun Abdullah yang mempopularkan slogan Islam Hadhari untuk menangani perjuangan Islam yang menjadi keutamaan dalam PAS. Perkara ini juga terserlah dalam kempen PRK Bukit Gantang. UMNO dan PAS telah menggunakan tokoh agama masing-masing untuk meraih undi daripada masyarakat Melayu-Islam dalam kawasan pilihan raya ini. Antara isu-isu berkaitan agama yang digunakan dalam kempen pilihan raya ini adalah ketaatan kepada *ulil-amri* yang difokuskan kepada Sultan Perak setelah PAS dikatakan tidak mematuhi perintah Sultan Perak dalam menyelesaikan konflik politik pertukaran kerajaan negeri daripada PR kepada BN yang berlaku sebelum tempoh PRK Bukit Gantang ini. Selain itu isu penggunaan masjid untuk kempen dan ceramah politik dan penggunaan ayat-ayat Al Quran oleh bukan Islam dalam kempen pilihan raya turut juga disentuh. Namun begitu, pengundi di kawasan ini telah membuat perbandingan daripada aspek personaliti, kewibawaan, keikhlasan dan cara penyampaian di antara penceramah UMNO/BN dengan PR (PAS dan PKR). Ternyata pihak PR beberapa langkah ke hadapan berbanding UMNO/BN dalam isu dan dimensi keagamaan dan faktor ini menyumbang sebahagian daripada kemenangan calon PAS dalam PRK Bukit Gantang ini.

Artikel ditulis oleh Mohammad Redzuan Othman berkaitan dengan "Mesej Kempen Melalui Kain Rentang". Penggunaan kain rentang sebagai bahan kempen yang menggunakan loghat tempatan yang ringkas dan santai telah menceria dan memeriahkan suasana kempen dalam PRK Parlimen Bukit Gantang ini. Kedua-dua parti BN dan PR telah menggunakan cara ini dan masing-masing cuba memanfaatkannya pada tahap yang maksimum mesej yang ingin disampaikan. Berlaku juga tuduhan dan tohmahan tertentu, sindir menyindir antara satu sama lain dan saling menjawab isu-isu yang spesifik melalui penggunaan ayat-ayat yang dipaparkan oleh kain rentang. Isu-isu lain yang turut mendapat tempat dan dipaparkan kepada

umum merangkumi isu politik, ekonomi dan sosial yang dizahirkan melalui tulisan seperti isu peranan Sultan Perak dalam pertukaran kerajaan negeri, imej dan peribadi pemimpin BN dan PR, isu wanita Mongolia, isu rasuah, isu pengundi hantu, isu bahasa, isu pembangunan, isu Palestine dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga kain rentang yang digunakan untuk menghebahkan program yang dijalankan oleh kedua-dua parti tersebut semasa dalam tempoh kempen pilihan raya. Penggunaan kain rentang termasuk poster menjadi pemangkin yang memeriahkan lagi suasana pilihan raya dan tidak dianggap sebagai suatu yang serius dan sensitif yang boleh mencetuskan suasana ketidaktentuan dalam pilihan raya. Penggunaannya juga dilihat sebagai satu cara selain ceramah yang bersifat konvensional untuk menarik perhatian pengundi dalam menyampaikan maklumat kepada pengundi.

Penganalisan inferensi keputusan PRK Parlimen Bukit Gantang ini telah dilaksanakan oleh Amer Saifude Ghazali melalui artikelnya yang berjudul, "Analisis dan Pola Pengundian". Penganalisan pengarang meliputi huraian kadar keluar mengundi dalam PRK tersebut yang paling tinggi pada kadar 75.1 peratus berbanding empat pilihan raya lepas iaitu PRU 1999, PRU 2004 dan PRU 2008. Pada kebiasaannya kadar keluar mengundi semasa PRK lebih rendah berbanding PRU tetapi perkara sebaliknya berlaku dalam PRK ini. Kadar keluar mengundi yang tinggi menggambarkan penglibatan lebih menyeluruh pengundi-pengundinya yang digerakkan oleh sifat keprihatinan dan kesedaran tentang tanggungjawab mereka. Beliau juga mendapati sebahagian besar pengundi etnik Cina telah menzahirkan secara terang-terangan sokongan mereka kepada parti PAS apabila menjadi tenaga kempen dan pengerak utama parti tersebut di samping etnik Melayu dan India. Pandangan tersebut disokong dengan analisis statistik korelasi yang memperlihatkan sokongan signifikan positif kepada PAS pada setiap Saluran Pengundian Satu hingga Saluran Enam. Malah pengundi-pengundi Cina paling muda yang berada di Saluran Enam telah membentuk hubungan yang paling sempurna dengan kadar sokongan kepada PAS. Sementara calon BN lebih bergantung kepada sokongan pengundi-pengundi Melayu namun tidak cukup kuat untuk menyumbangkan kemenangan kepada BN walaupun etnik Melayu merupakan majoriti di kawasan Bukit Gantang. Setengah pihak menafikan kemenangan PAS dalam PRK ini merupakan referendum rakyat kepada BN tetapi pengundi-pengundi telah menghukum BN dalam empat siri PRK selepas PRU ke-12. Seharusnya perkara ini membawa pengertian tersendiri kepada pihak kerajaan BN mahupun pembangkang PR.



# Sosio-Politik dan Elemen Ruang

*Zulkanain Abdul Rahman  
Rosmadi Fauzi*

## **Pengenalan**

Satu kelainan nyata dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Bukit Gantang berbanding dengan PRK yang telah diadakan di Permatang Pauh, Pulau Pinang dan juga di Kuala Terengganu ialah pilihan raya ini diadakan serentak dengan dua lagi pilihan raya kecil yang lain. Pilihan raya kecil kali ini melibatkan tiga kawasan, iaitu Bukit Gantang di Perak, Batang Ai di Sarawak dan Bukit Selambau di Kedah. Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang diadakan berikutan kematian mengejut Roslan Sharum pada 9 Februari 2009, calon PAS yang memenangi kawasan Bukit Gantang dengan meraih sebanyak 20,015 undi semasa Pilihan Raya Umum Mac 2008.<sup>1</sup> Dalam Pilihan Raya Umum Ke-12, Allahyarham Roslan menang dan mengalahkan calon Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Abdul Azim Mohd Zabidi yang mendapat 18,499 undi dan calon Bebas, M. Morgan mendapat 872 undi.<sup>2</sup> Penamaan calon telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 29 Mac 2009 dan pengundian pula diadakan pada 7 April 2009.<sup>3</sup> Bagi Pakatan Rakyat (PR) dan Barisan Nasional (BN), pilihan raya kecil ini membawa makna yang tersendiri kepada kedua-dua belah pihak. PR yang telah memenangi kedua-dua pilihan raya kecil di Permatang Pauh dan Kuala Terengganu mahu meneruskan kemaraan. Sebaliknya, BN tidak mempunyai pilihan melainkan memenangi PRK Parlimen Bukit Gantang bagi menghentikan kekalahan demi kekalahan yang dialami dalam pilihan raya kecil sebelum ini.

## **Latar Belakang Sosio-Politik Perak Menjelang PRK Bukit Gantang**

Bukit Gantang merupakan kawasan luar bandar yang majoriti penduduknya adalah bekerja sendiri, sama ada berniaga, bertani, penternak atau suri rumah. Kawasan parlimen ini meliputi Trong yang merupakan kawasan komuniti perkampungan orang Melayu yang secara relatifnya memiliki taraf hidup yang rendah. Trong merupakan komuniti orang Melayu yang miskin melebihi kemiskinan negeri Terengganu dan Kelantan dan merupakan kubu kuat kepada UMNO dan BN. Liputan internet di Bukit Gantang pula agak ketinggalan dan sumber maklumat utama adalah melalui media arus perdana dan elektronik kerajaan.

Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P59) mempunyai seramai 55,562 pengundi berdaftar dan seramai 136 pengundi pos.<sup>4</sup> Kawasan parlimen ini mempunyai tiga kawasan DUN yang terdiri dari Kuala Sepetang (N13), Changkat Jering (N14) dan Trong (N15).<sup>5</sup> Pada Pilihan Raya Umum Ke-12 Mac 2008, DUN Kuala Sepetang dan Changkat Jering telah dimenangi oleh PKR, sementara DUN Trong dikuasai oleh UMNO. Pengundi Melayu di kawasan parlimen ini merangkumi 63.5 peratus, berbanding pengundi Cina sekitar 27.1 peratus, India 9.1 peratus dan lain-lain bangsa 0.03 peratus.<sup>6</sup> Terdapat sebanyak 38 peti undi di kawasan Parlimen Bukit Gantang. Pengundi Cina bertumpu di lima kawasan, iaitu di Kuala Sepetang, Jalan Menggala, Simpang Baru, Pasir Hitam Trong dan juga Sungai Rotan.<sup>7</sup> Menurut pengerusi MCA Bukit Gantang, Datuk Ho Cheng Wang, majoriti pengundi Cina tertumpu di Kuala Sepetang. Kira-kira 4,000 pengundi Cina terdapat di sini, diikuti dengan kira-kira 1,000 pengundi di Pasir Hitam dan di Sungai Rotan dengan kira-kira 500 pengundi. Walaupun Parlimen Bukit Gantang adalah kawasan majoriti Melayu, tetapi undi bukan Melayu masih diperlukan oleh parti-parti yang bertanding bagi mencipta kemenangan. Dalam PRU Ke-11 pada 2004, 70 peratus pengundi Cina menyokong BN. Bagaimanapun, dalam PRU Ke-12 pada 2008, sokongan pengundi Cina terhadap BN turun kepada 30 peratus sahaja.<sup>8</sup> Menurut sumber Suruhanjaya Pilihan Raya, jumlah keluar mengundi bagi PRK Parlimen Bukit Gantang ialah 41,626 atau 74.9 peratus berbanding 72.6 peratus pada Pilihan Raya Umum Ke-12 Mac 2008.<sup>9</sup>

Dalam PRU Ke-12, BN masih mempunyai pengaruh dan penyokong dalam kalangan pengundi di Perak. Namun begitu, BN hanya berjaya memenangi 28 daripada 59 kerusi DUN yang dipertandingkan. Kesannya, BN gagal membentuk kerajaan negeri. PAS telah memenangi enam kerusi, PKR tujuh kerusi dan DAP 18 kerusi bagi membolehkan parti-parti ini membentuk kerajaan negeri yang baru dengan menguasai 31 kerusi daripada 59 kerusi DUN di Perak. Ini bermakna kerajaan PR mempunyai kelebihan majoriti tiga kerusi berbanding BN dalam PRU Ke-12. Dilihat dalam konteks yang lebih luas, kemenangan PAS-PKR-DAP boleh dikatakan sebagai satu kejayaan besar dalam sejarah politik pembangkang di Perak.<sup>10</sup> Ini kerana dalam sejarah pilihan raya umum yang diadakan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, BN secara berterusan menguasai kerajaan negeri Perak. Malah kejayaan PR menguasai kerajaan negeri di Perak dilihat sebagai sebahagian daripada kemaraan politik PKR-PAS-DAP di peringkat nasional apabila pakatan politik ini turut menguasai negeri Kedah, Kelantan, Selangor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

## **Peralihan Kuasa Di Perak Selepas PRU Ke-12**

Kerajaan PR di Perak yang diterajui oleh Dato' Seri Mohamad Nizar Jamaludin hanya mampu bertahan selama 11 bulan. Perubahan kerajaan

negeri daripada PR ke BN berlaku apabila tiga ADUN PR, iaitu Mohd Osman Jailu (Changkat Jering), Jamaluddin Mohd Radzi (Behrang) dan Hee Yit Foong (Jelapang) bertindak keluar dari kerajaan campuran PR Perak pada 1 Februari 2009. Ketiga-tiga ADUN ini telah mengisytiharkan diri mereka menjadi wakil rakyat Bebas yang menyokong BN. ADUN Changkat Jering dan ADUN Behrang adalah wakil rakyat parti PKR, manakala Hee Yit Foong merupakan wakil rakyat DAP. BN telah membentuk kerajaan di Perak dengan Dato' Seri Zambry Abdul Kadir dilantik sebagai Menteri Besar Perak pada 6 Februari 2009.

Isu peralihan kuasa inilah yang menjadikan PRK Parlimen Bukit Gantang begitu menarik untuk dikaji dan mendapat perhatian sama ada di peringkat tempatan, mahupun nasional. Timbul pelbagai persoalan tentang peralihan kuasa di Perak. Tidak dinafikan, isu pembentukan kerajaan BN yang baru di Perak begitu dominan sepanjang tempoh ceramah dan kempen pilihan raya parlimen Bukit Gantang. Kemelut politik di Perak dikeruhkan lagi apabila kedua-dua belah pihak, iaitu PR dan BN turut mengheret institusi kehakiman dan institusi beraja bagi mencari jalan penyelesaian terhadap isu peralihan kuasa dan perlantikan Menteri Besar Perak yang baru.

Dalam membuat keputusan melantik seorang Menteri Besar negeri Perak yang baru, DYMM Sultan Perak telah menggunakan budi bicara sebagai Sultan dan ketua negeri. Dengan itu, Dato' Seri Mohamad Nizar Jamaludin telah terlucah jawatannya selaku Menteri Besar Perak dengan sendirinya apabila DYMM Sultan Perak berpuashati bahawa kerajaan campuran PR tidak lagi mendapat sokongan majoriti dan tiga ADUN PR bersetuju memberi sokongan kepada BN. Ini bermakna undi tidak percaya dalam DUN atau pembubaran DUN atau perletakan jawatan sebagai Menteri Besar tidak berlaku dalam proses peralihan kuasa di negeri Perak.<sup>11</sup> Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Razak pula menegaskan BN tidak merampas kuasa di Perak kerana peralihan kerajaan dilakukan mengikut peraturan dan undang-undang. Oleh itu, semua pihak perlu menerima hakikat bahawa kerajaan BN menguasai kerajaan negeri Perak kerana mendapat majoriti yang cukup untuk membentuk kerajaan.

Tindakan UMNO dan BN telah menimbulkan perasaan marah rakyat Perak yang merasakan diri mereka dipermainkan apabila BN disifatkan menafikan amalan demokrasi dengan mengambil alih kerajaan Perak tanpa mendapat sokongan dan mandat rakyat. Sebaliknya, BN mengambil jalan mudah dengan pengisytiharan wakil rakyat PR yang menjadi calon Bebas sebagai penyokongnya. Dalam mengulas perkembangan di Perak, Tun Dr. Mahathir Mohamad berpendapat bahawa 'tindakan melompat parti' wakil rakyat di Perak seharusnya membawa kepada pembubaran DUN.<sup>12</sup> Lantaran itu, beliau menasihati Perdana Menteri untuk berfikir dahulu sebelum menerima dua ADUN PKR yang bakal dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menerima rasuah. Beliau menyarankan UMNO supaya menunggu sehingga mahkamah membuat keputusan terlebih

dahulu kerana tindakan secara terburu-buru bakal mengundang padah dan menjejaskan imej UMNO. Tengku Razaleigh turut sependapat dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan beranggapan tindakan mengambil alih kerajaan secara paksaan akan memburukkan lagi imej BN yang tercalar teruk dalam pilihan raya yang lepas. Malah beliau beranggapan Dato' Seri Mohamad Nizar masih Menteri Besar Perak yang sah kerana dipilih oleh rakyat.<sup>13</sup>


Dalam menangkis segala kritikan terhadap UMNO dan BN, Dato' Seri Najib berpendapat tindakan mengambil alih kerajaan merupakan tindakan yang sah dan tidak bercanggah dengan perlembagaan. BN dikatakan mencontohi strategi PR yang cuba mengambil kuasa dengan menggunakan cara yang sama. Justeru itu, ini hanyalah bertindak 'melawan' kembali demi kelangsungan politik diri. Namun begitu, tindakan mengambil alih kuasa di Perak secara memancing ADUN pembangkang ternyata satu tindakan yang disifatkan 'pegecut' kerana ramai beranggapan sekiranya pilihan raya semula diadakan BN bakal mengalami kekalahan yang lebih teruk berbanding pilihan raya Mac 2008. Lantaran itu, BN tidak bersedia untuk terus menanggung kekalahan yang pasti akan menambahkan lagi kekalutan dalam parti tersebut.

Ketidakpuasan hati para pengundi dan penyokong pembangkang menyaksikan kira-kira 3,000 orang penunjuk perasaan berkumpul di hadapan Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar bagi menghalang upacara mengangkat sumpah Dato' Seri Zambry Abdul Kadir sebagai Menteri Besar Perak yang baru. Ini telah mencetuskan suasana tegang kira-kira sejam apabila kenderaan tetamu dan orang kenamaan yang menuju ke istana telah ditahan dan dilontar dengan pelbagai objek sehingga memaksa gas pemedih mata dilepaskan dan seramai sembilan penunjuk perasaan ditahan oleh pihak polis. Bantahan rakyat berterusan apabila Menteri Besar Perak yang baru, Dato' Seri Zambry diejek oleh kira-kira 300 orang penunjuk perasaan semasa menghadiri Majlis Tahun Baru Cina di SJKC Yuk Choy. Dalam perhimpunan yang singkat, tetapi penuh bermakna, lilin dinyalakan sebagai tanda protes dan berkuburnya demokrasi di Malaysia selain jeritan 'Hidup Rakyat' dan 'Bubarkan DUN' turut dilaungkan. BN dan UMNO memanipulasi isu keengganan Dato' Seri Mohamad Nizar untuk meletak jawatan, cadangan Karpal Singh untuk menyaman Sultan Perak serta beberapa siri demonstrasi jalanan diadakan di seluruh negara bagi mengutuk PR yang dianggap derhaka dan menghina Sultan Perak. Ini seterusnya menonjolkan imej UMNO sebagai pelindung kedaulatan sultan, manakala pembangkang pula jelas dilihat sebagai penderhaka dan sewajarnya ditolak oleh rakyat.

## **Profil Kawasan Parlimen Bukit Gantang**

Dari sudut geografi, Parlimen Bukit Gantang kedudukannya bersempadan dengan 5 parlimen iaitu Parlimen Bagan Serai di utara, Parlimen Taiping di

timur laut, Parlimen Padang Rengas di timur, Parlimen Kuala Kangsar di tenggara dan Parlimen Beruas di selatan. Di sebelah barat Bukit Gantang pula bersempadan dengan Selat Melaka dengan panjang pesisir pantai sepanjang 25 kilometer (Rajah 1). Mengikut sumber tempatan, Bukit Gantang mendapat nama kerana kedudukan kampung yang dikelilingi oleh bukit bukau, seolah-olah kawasan kampung ini berada di dalam sebuah gantang raksasa. Selain itu dipercayai di bukit itu juga telah ditemui alat yang dinamakan gantang. Alat ini digunakan untuk mengukur beras atau padi. Bukit Gantang adalah sebuah pekan kecil dan juga amat terkenal dengan dusun durian. Jarak Bukit Gantang dengan ibu negeri iaitu Ipoh adalah lebih kurang 60 kilometer.




**Rajah 1: Peta Lokasi Parlimen Bukit Gantang**

Dari segi sejarah, pada zaman dahulu Bukit Gantang juga terkenal sebagai tempat melombong bijih timah. Prospek bijih timah telah dikembangkan oleh Long Jaafar dengan membawa masuk pelombong Cina dari Pulau Pinang. Walaupun Bukit Gantang telah dibangunkan 150 tahun dulu, praktis tradisional dalam cara hidup seharian, bentuk rumah, kebudayaan dan keramahan penduduk masih dikekalkan hingga kini. Antara sumber pendapatan utama penduduk Bukit Gantang ialah penternakan, pertanian dan industri kecil sederhana. Bukit Gantang juga dikenali sebagai salah sebuah kampung pengeluar buah-buahan bermusim terutamanya durian yang terbaik di Perak.

Dari segi perhubungan dan ketersampaian, Bukit Gantang boleh dihubungi melalui jalan raya utama dari Ipoh dan Lebuhraya Utara-Selatan dengan susur keluar Changkat Jering. Selain itu, ia juga boleh dihubungi melalui jalan keretapi di antara Taiping-Kuala Lumpur. Salah satu terowong jalan keretapi terpanjang turut boleh didapati di kawasan yang berbukit ini. Perjalanan dari Bukit Gantang ke Bandar Taiping adalah sejauh 13km iaitu lebih kurang 20 minit perjalanan dan dari Bukit Gantang ke Bandar Kuala Kangsar pula adalah sejauh 25km iaitu lebih kurang 30 minit perjalanan.

## Penduduk dan Profil Pengundi

Majoriti penduduk di Parlimen Bukit Gantang adalah orang Melayu (63.5%), selebihnya adalah orang Cina (26.5%), India (9.8%) dan kaum lain (0.2%). Parlimen Bukit Gantang mempunyai 55,462 pemilih berdaftar yang terdiri daripada 55,141 pemilih biasa dan 321 pemilih pos. Pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang melibatkan 34 pusat mengundi dengan 111 saluran mengundi (Jadual 1). Bukit Gantang merupakan kawasan parlimen di negeri Perak yang mempunyai tiga DUN iaitu terdiri daripada Kuala Sepetang, Changkat Jering dan Trong (Rajah 2).



Rajah 2: DUN di Parlimen Bukit Gantang

Latar belakang kaum pengundi berdaftar di Bukit Gantang dilihat turut mencerminkan keseluruhan pecahan kaum di Perak. Jumlah pengundi mengikut kaum Parlimen Bukit Gantang dan tiga kerusi DUN mempunyai

pecahan peratus kaum yang hampir sama di negeri Perak. Parlimen Bukit Gantang mempunyai 63.48 peratus pengundi Melayu, 26.7 peratus (Cina) dan 9.71 (India) dan 0.04 peratus kaum lain. Pecahan kaum di tiga kerusi DUN Parlimen berkenaan adalah Kuala Sepetang (Melayu 59.9 peratus, Cina 32.1 peratus, India 7.9 peratus dan lain-lain 0.1 peratus); Changkat Jering (Melayu 63.9 peratus, Cina 26.1 peratus, India 9.8 peratus dan lain-lain 0.2 peratus) serta Trong (Melayu 69.5 peratus, Cina 20.4 peratus, India 9.9 peratus dan lain-lain 0.2 peratus). Bukit Gantang secara tradisinya merupakan kubu kuat UMNO. Pilihan raya kecil ini amat penting untuk mengukur sokongan orang Melayu, terutamanya selepas BN mengambil alih Kerajaan Negeri Perak.

Jadual 1: Parlimen, DUN dan Daerah Mengundi Bukit Gantang

Parlimen	DUN		Daerah Mengundi
P 59 Bukit Gantang	N 13	Kuala Sepetang	Kamunting Station, Ayer Puteh, Jebong, Simpang Halt, Kuala Sepetang, Jalan Mangala, Kampong Jaha, Sungai Limau, Matang Gelugor, Sungai Mati, Bendang Siam, Changkat Ibol
	N 14	Changkat Jering	Pengkalan Aor, Simpang Lama, Simpang Baru, Kawasan J.K.R, Larut Tin, Jalan Simpang, Ayer Kuning, Changkat Jering, Jelutong, Bukit Gantang, Kampong Cheh
	N 15	Trong	Kuala Trong, Pasir Hitam Trong, Kampong Tebok Trong, Trong, Trong Barat, Bukit Gantang Selatan, Ayer Terjun, Temerloh, Padang Gajah, Sungai Tinggi, Permatang Raja, Batu Hampar, Sungai Rotan, Sungai Che Rahmat

### Elemen Ruang dalam PRK Bukit Gantang

Pilihan raya pada hari ini harus dilihat dari sudut baru iaitu ruangan terutamanya dalam menilai corak pengundian yang semakin menerima pengaruh besar daripada proses globalisasi. Elemen ruangan merupakan satu aspek penting kerana pertalian antara ruangan sebenarnya boleh mempengaruhi keputusan pilihan raya. Kepentingan proses-proses ruangan dikaji untuk melihat peranan elemen ruangan ke atas keputusan dan tindakan individu dalam pengundian seperti pengaruh kejiranan yang berlaku dalam sesuatu wilayah atau sempadan politik. Elemen ruangan seperti kawasan, lokasi dan bentuk fizikal merupakan faktor yang penting dalam melihat satu corak tingkah laku mengundi di sesuatu DUN atau parlimen dalam kajian geografi pilihan raya (Rosmadi Fauzi, 2006).

Elemen ruangan seperti lokasi mempertimbangkan perletakan sesuatu kawasan mengundi terhadap pengaruh kejiranan dan interaksi dalam

penyebaran maklumat antara sempadan parlimen atau DUN dengan pusat-pusat yang dilihat sebagai penyebaran maklumat pilihan raya. Faktor lokasi mengkaji pengaruh ruangan terhadap organisasi yang terdapat dalam ruang informasi, penyebaran sesuatu idea baru atau penyebaran maklumat tentang pilihan raya seperti calon, parti, isu dan ideologi (Horn, M. E. T., 1999). Perhubungan dan penyebaran maklumat dalam sempadan dipengaruhi oleh lokasi diukur dengan jarak untuk sampai kepada penerima maklumat. Maklumat tersebar menurut hierarki dari bandaraya besar ke bandar kecil. Resapan tentang sesuatu maklumat selalunya bermula di bandaraya besar seperti ibu negara, kemudian ia tersebar ke bandar-bandar utama dan akhirnya ke bandar-bandar kecil (Hägerstrand, 1967). Ini turut disokong dalam model graviti dalam kajian geografi berkenaan dengan jarak iaitu interaksi adalah lebih tinggi di antara bandaraya-bandaraya besar (Ashish K. Sen dan Tony E. Smith 1995).

Seterusnya lokasi juga berkaitrapat dengan jarak terdekat di antara DUN ke kawasan 'teras politik' seperti bandar dan kawasan pekan yang menjadi tumpuan orang ramai. Sesuatu kawasan pilihan raya yang mempunyai jarak terdekat dengan kawasan teras politik seperti yang dinyatakan boleh mempengaruhi terhadap penyebaran maklumat dan secara tidak langsung dapat mempengaruhi undi dalam pilihan raya. Dalam konsep kawasan teras politik, bandar dan pekan dianggap sebagai sebuah pusat maklumat, perniagaan, ekonomi, pentadbiran dan perhubungan sosial. Berdasarkan teori ruangan yang telah diterangkan mana-mana DUN yang dari segi jarak agak jauh dari kawasan teras politik, perhubungan dan penyebaran maklumat pilihan raya adalah agak perlahan dari segi resapan jika diambil kira jarak DUN dengan kawasan bandar. Resapan berhierarki ini telah menjadi satu konsep geografi yang penting dan ia sama dengan kesan kejiranan yang melihat kepada faktor jarak terdekat.


Dalam elemen ruangan, proses perbandaran turut dilihat sebagai memainkan peranan penting dalam pengundian bagi sesuatu pilihan raya itu kerana kesan geografi sesuatu kawasan sangat mempengaruhi keadaan politik kawasan tersebut dan kawasan-kawasan lainnya (Rachagan, 1982). Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Morrill (1965) mendapati bahawa salah satu faktor yang menyebabkan satu idea atau maklumat merebak adalah berdasarkan kepada perkembangan daerah perniagaan pusat yang berjiran dan kemajuan pengangkutan dalam pusat bandaraya. Manakala, kajian yang dilakukan oleh Berry (1972) di Great Britain mendapati bahawa proses-proses resapan maklumat bermula di bandar-bandar besar dalam sesuatu daerah dan kemudian penerimaan tersebut tersebar ke tempat-tempat lain yang lebih kecil. Proses penerimaan sesuatu maklumat itu dipengaruhi oleh jauhnya jarak dari bandaraya. Maklumat dan idea diterima lebih cepat di pusat bandar dan kemudian tersebar dengan amat mudah di kalangan penduduk yang tinggal di pusat-pusat penerimaan tersebut (kesan kejiranan).

Dalam konteks Parlimen Bukit Gantang juga kita melihat kepada lokasinya yang mempunyai ciri yang pelbagai walaupun secara keseluruhannya banyak kawasan yang terpencil. Oleh itu pergerakan maklumat agak perlahan di kawasan pedalaman seperti di DUN Trong. Berbanding dengan lokasi DUN Changkat Jering dan Kuala Sepetang yang lebih menghampiri kawasan bandar seperti Taiping. Oleh itu resapan maklumat khususnya maklumat politik lebih cepat di sekitar Bandar Taiping. Jika kita lihat kepada keputusan PRK Parlimen Bukit Gantang 2009, kawasan peti undi yang dimenangi oleh pihak Pakatan Rakyat adalah hampir kepada kawasan bandar. Teknik kempen dan pengiklanan yang menggunakan teknik baru seperti yang dilakukan oleh DAP dengan menggunakan skrin gergasi yang diletakkan di atas lori yang memaparkan audio grafik amat berkesan dalam menyampaikan mesej parti kepada pengundi. Teknik ini dari segi ruang secara perlahan-lahan membawa maklumat meresap masuk ke kawasan DUN dengan menggunakan lokasi strategi di bandar untuk membawa menyebarkan maklumat calon dan parti kepada para pengundi bermula di kawasan bandar sehingga ke kampung-kampung. Di sini kita dapat lihat faktor lokasi dalam menjalankan kempen untuk sampai kepada penerima maklumat sangat memainkan peranan penting dalam konteks ruang.

Menurut Hägerstrand (1967), dengan melihat kepada faktor jarak terdekat kita dapat menggambarkan secara tidak langsung struktur medan maklumat. Beliau mengatakan bahawa maklumat boleh disampaikan dengan dua cara iaitu pertama secara awam, seperti bahan bercetak dan media massa dan yang kedua secara persendirian iaitu melalui lisan dan bersemuka. Berdasarkan dari kajian yang telah beliau jalankan, dari segi penerimaan maklumat, cara bersemuka dan melalui lisan selalunya adalah lebih penting walaupun maklumat yang dihebahkan melalui media massa telah diterima. Oleh itu dalam konteks pilihan raya, maklumat yang disampaikan secara bersemuka adalah merupakan satu faktor penting dalam resapan penerimaan maklumat terutama dari segi kempen semasa pilihan raya. Faktor bersemuka sangat penting bagi menyampaikan maklumat pilihan raya seperti calon yang bertanding dan manifesto yang dibawa oleh parti. Faktor ini sangat berkesan dalam strategi kempen dengan berinteraksi secara langsung dengan pengundi dan aktiviti kemasyarakatan seperti yang telah dianjurkan oleh pihak PAS dan BN dalam mendekati pengundi. Walau bagaimanapun, dengan cara ini pada kebiasaannya parti yang dapat menggunakan jentera semaksimum mungkin akan meraih undi yang lebih berkesan dalam menjalankan strategi kempen.

Selain itu, maklumat juga boleh disebarakan melalui media elektronik seperti internet yang sangat banyak digunakan pada masa kini. Sumber maklumat daripada internet dan penggunaan komputer adalah tinggi di kawasan berdekatan dengan bandar. Perhubungan dan penyebaran maklumat dalam sempadan dipengaruhi oleh faktor jarak untuk sampai


kepada penerima maklumat. Kesan kejiranan merupakan salah satu proses geografi yang utama dalam resapan maklumat yang terdapat di sekitar penerima sedia ada. Berdasarkan daripada Rajah 3 kita dapat lihat penggunaan internet tertumpu di bahagian yang berdekatan dengan kawasan bandar Taiping iaitu di DUN Kuala Sepetang dan Changkat Jering. Dalam kajian ini bandar Taiping dilihat sebagai pusat penyebaran maklumat terutamanya mengenai pilihan raya kepada para pengundi dalam setiap DUN di Parlimen Bukit Gantang. Berdasarkan keputusan PRK Parlimen Bukit Gantang 2009, kita dapati daerah mengundi yang berhampiran bandar Taiping mempunyai kecenderungan pengundi untuk menyokong parti PAS dan faktor penyebaran maklumat parti dan calon melalui internet memainkan peranan penting.



**Rajah 3: Penggunaan Internet di Parlimen Bukit Gantang**

Di Parlimen Bukit Gantang, DUN Changkat Jering merupakan DUN yang paling hampir dengan bandar Taiping. Bandar Taiping merupakan proksi kepada perkembangan maklumat internet, khususnya maklumat berkenaan kempen pilihan raya. Pengundi muda juga dilihat sebagai agen penyebaran maklumat alternatif dan terkini pada pilihan raya pada hari ini. Pada hari ini pengguna internet tertinggi adalah dari golongan muda dan semasa PRK Parlimen Bukit Gantang 2009 kita dapat lihat bahawa kempen berasaskan internet sangat giat dijalankan terutamanya di pihak PAS berbanding pihak BN. Web blog secara meluas digunakan dan

dipautkan secara langsung dengan lawan sesawang parti. Calon-calon yang bertanding dapat berinteraksi secara langsung dengan pengguna internet, khususnya golongan muda untuk berkempen. Berdasarkan kepada Rajah 4, taburan pengundi muda berdasarkan ruang mempunyai tumpuan yang tinggi di kawasan yang berdekatan dengan bandar. Ini turut menyokong kepada sebaran maklumat alternatif berasaskan faktor bandar-pengundi muda-penggunaan internet.




**Rajah 4: Taburan Pengundi Muda**

Selain itu, dalam melihat kepentingan elemen ruang dalam pengkajian pilihan raya antara lain adalah bentuk. Faktor bentuk ini dikatakan sesuatu yang asas dalam pengkajian geografi politik kerana ianya merujuk kepada kepadatan dan kepadatan ini mempengaruhi aktiviti dalam ruang sesuatu kawasan. Bentuk satu konstituensi pilihan raya ini dapat menentukan perilaku politik dengan hubungan saiz dan kepadatan persempadanan khususnya dalam pendekatan unit politik yang terkandung di dalamnya. Kepadatan merupakan salah satu faktor penyumbang di dalam mengkaji landskap politik dan indeks kepadatan sering digunakan sebagai salah satu ciri untuk menggambarkan bentuk (Flaherty, M. S. & Crumplin, W. W., 1992). Julat bacaan indeks kepadatan ini adalah di antara 0 sehingga 1. Jika bacaan indeks menghampiri 1 bermakna kawasan DUN adalah padat dan jika bacaan indeks semakin menghampiri 0 maka kepadatan DUN adalah kurang. Jika sesuatu DUN yang padat dari segi indeksnya, ini bermakna

penyebaran maklumat pilihan raya lebih cepat berlaku kerana bentuk DUN yang padat dilihat membolehkan interaksi antara pengundi lebih mudah dalam penyampaian informasi parti, ideologi atau isu pilihan raya.

Jika kita lihat daripada Rajah 5 yang menunjukkan bentuk dan indeks kepadatan di Bukit Gantang mengikut pecahan 3 DUN, masing-masing mempunyai bacaan iaitu Kuala Sepetang 0.301, Changkat Jering 0.418 dan Trong 0.271. Berdasarkan dari bacaan ini, boleh dikatakan ketiga-tiga DUN mempunyai bacaan indeks kepadatan yang agak rendah di mana jika kita lihat kepada teorinya, bacaan indeks yang menghampiri adalah tidak padat. Ini bermakna penyebaran maklumat adalah perlahan dan dari segi resapan dan interaksi adalah kurang antara pengundi. Indeks kepadatan yang rendah juga biasanya mempunyai lanskap fizikal yang berlaku dari segi permukaan di atas ruang dan ini akan menyukarkan perhubungan dan interaksi dan ketersampaian maklumat kepada pengundi. Selain itu, dari segi perhubungan fizikal adalah sukar untuk menjalankan kempen melainkan sesuatu parti itu mempunyai jentera yang efisien dan sofistikated. Oleh yang demikian, penggunaan media massa elektronik seperti TV dilihat sangat memainkan peranan sebagai agen penyampaian maklumat parti dan isu untuk menyebarkan ideologi parti bagi meraih undi dan mendapatkan sokongan pengundi dalam konteks kepadatan ini. Jika kita lihat di Bukit Gantang, ini amat berkesan bagi DUN Trong yang mempunyai tahap ketersampaian yang lemah dan adalah mudah dan menjadi kelebihan kepada parti seperti BN yang menguasai media massa untuk menyampaikan manifesto kerajaan pemerintah semasa kempen pilihan raya kerana BN mempunyai jentera yang hebat untuk berhubung kepada setiap demografi pengundi di setiap kawasan dengan lebih cepat dan berkesan.



N.13 Kuala Sepetang  
Indeks Kepadatan=0.301

N.14 Changkat Jering  
Indeks Kepadatan=0.418

N.15 Trong  
Indeks Kepadatan=0.271

**Rajah 5: Bentuk dan Indeks kepadatan DUN**

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, sosio politik dan kepentingan elemen ruang merupakan perkara penting untuk dikaji untuk melihat peranannya ke atas keputusan dan tindakan dalam pengundian di PRK Parlimen Bukit Gantang. Kepentingan proses-proses ruang dikaji untuk melihat peranan faktor ruang ke atas keputusan dan tindakan individu dalam pengundian seperti pengaruh kejiranan yang berlaku dalam sesuatu wilayah atau sempadan. Sebelum ini, kebanyakan kajian yang dijalankan mengenai pilihan raya lebih tertumpu kepada aspek-aspek struktural dan tidak banyak kajian lampau yang menitikberatkan pertalian ruang antara sesebuah kawasan dengan kawasan yang lain.

Oleh itu elemen ruang seperti lokasi, jarak dan bentuk seperti yang diterangkan sangat penting dalam kajian pilihan raya kerana ia juga merupakan faktor yang dapat mempengaruhi sosio-politik sesuatu kawasan dan faktor ini boleh mempengaruhi kepada penentuan kemenangan sesuatu parti yang bertanding dalam pilihan raya.

## Nota Hujung

- <sup>1</sup> *Buletin Bukit Gantang* 6.
- <sup>2</sup> *Utusan Malaysia*, 'PAS pertahan Bukit Gantang', 8 April 2009, hlm. 6.
- <sup>3</sup> *Harian Metro*, 'Ismail calon BN', 15 Mac 2009, hlm. 12.
- <sup>4</sup> *Siasah*, 'Keputusan PRK Bukit Gantang, Bukit Selambau dan Batang Ai kekalkan status quo?', 5-11 April 2009, hlm. 45.
- <sup>5</sup> *Buletin Bukit Gantang* 4.
- <sup>6</sup> *Sinar Harian*, 'Jangan melampaui batas: Mustafa Ali', 31 Mac 2009; *Harian Metro*, 'Pilihan Raya Bukit Gantang pujian buat SPR', 8 April 2009, hlm. 12; *Mingguan Malaysia*, 'BN perlu diberi peluang', 5 April 2009, hlm. 7.
- <sup>7</sup> *Sinar Harian*, 'Kempen habis-habisan tarik pengundi Cina', 31 Mac 2009, hlm. 6.
- <sup>8</sup> *Sinar Harian*, 'Kempen habis-habisan tarik pengundi Cina', 31 Mac 2009, hlm. 6.
- <sup>9</sup> *Kosmo*, 'Nizar menang kerusi Parlimen Bukit Gantang', 8 April 2009, hlm. 4; *Berita Harian*, 'Pusat buang undi Bukit Gantang kecoh', 8 April 2009, hlm. 7.
- <sup>10</sup> <http://www.utusan.com.my/utusan/special> diakses pada 22 Julai 2009, jam 11.35 a.m.
- <sup>11</sup> <http://malaysiakini.com/news/> diakses pada 21 Julai 2009, jam 11.30 a.m.
- <sup>12</sup> *Malaysiakini*. 8 Februari 2009.
- <sup>13</sup> *Malaysiakini*. Februari 2009.



# Persepsi Sebelum Pengundian

*Mohd. Azlan Zainal*

## Pengenalan

Pilihan Raya Kecil bagi kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak dan Batang Ai, Sarawak serta DUN Bukit Selambau Kedah pada 7 April 2009 menyaksikan pertembungan sengit BN (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) dalam usaha menonjolkan pengaruh masing-masing. Parlimen Bukit Gantang ini terdiri daripada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Kuala Sepetang (N13), DUN Changkat Jering (N14) dan DUN Trong (N15).<sup>1</sup> Agak menarik di kawasan ini kerana ADUN Changkat Jering, Mohd Osman Mohd Jailu menjadi ADUN Bebas mengisytiharkan dirinya keluar daripada Parti Keadilan Rakyat.<sup>2</sup>


## Senario Sebelum Pengundian

Menjelang Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang, satu kaji selidik lapangan telah dijalankan dalam kalangan pengundi di kawasan parlimen ini. Kajian ini dilaksanakan oleh Ilham Centre,<sup>3</sup> sebuah firma penyelidikan lapangan bebas bagi melihat kecenderungan awal pengundi terhadap jangkaan kemenangan parti-parti yang bertanding, populariti calon, isu tempatan dan nasional yang menjadi kemungkinan serta kebarangkalian mendapat tumpuan yang akan mempengaruhi pengundi di kawasan ini.


Seramai 622 pengundi berdaftar di Parlimen Bukit Gantang dipilih menerusi kaedah pemilihan berstruktur dan ditemubual di samping pemerhatian secara terus dan penglibatan di lapangan. Responden terdiri daripada 65.6 peratus (408 orang) pengundi Melayu, 30.9 peratus (192 orang) Cina dan 3.5 peratus (22 orang) India mengikut had umur yang pelbagai (Rajah 1).

Persampelan dibentuk dengan mengambilkira jumlah pengundi berdaftar/penduduk di setiap DUN dalam Parlimen Bukit Gantang berasaskan parti, pecahan kaum, DUN, lokaliti kawasan, jantina, umur dan pekerjaan. Kawasan/lokaliti kajian adalah sekitar P059 Bukit Gantang yang melibatkan kawasan bandar dan luar bandar di 3 DUN (N13: Kuala Sepetang seramai 202 orang, N14: Changkat Jering seramai 322 orang dan N15: Trong seramai 98 orang). Seramai 343 orang adalah responden lelaki, manakala bakinya 279 orang adalah perempuan. Temubual dan

observasi dijalankan dari 21 Mac hingga 22 Mac 2009. Ralat bagi kaji selidik ini adalah  $\pm 2.70$  peratus (Rajah 2).




Rajah 1: Responden mengikut komposisi kaum dan peringkat umur




Rajah 2: Responden mengikut DUN dan jantina

Berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan, kajian mendapati bahawa 40 peratus menjangkakan PR yang diwakili oleh PAS akan menang; 25 peratus meletakkan harapan kepada BN; manakala 34 peratus lagi tidak dapat menjangkakan parti mana yang akan menang (Rajah 3).

Bagi calon yang menjadi pilihan kepada PAS, sebilangan besar responden, 82 peratus tidak menamakan calon secara tepat, dan hanya sekitar 10 peratus yang menamakan Dato' Seri Mohamad Nizar Jamaluddin sebagai calon PAS. Walaupun begitu, Dato' Seri Mohamad Nizar bukan calon pilihan awal berbanding Ustaz Idris Ahmad yang mendapat enam peratus dan Tuan Haji Mohamad Sabu dua peratus (Rajah 4).



Rajah 3: Jangkaan Parti yang akan menang pada pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang.



Rajah 4: Calon PAS yang menjadi pilihan

Untuk calon BN, kajian dijalankan setelah Ismail Safian diumumkan sebagai calon. Oleh itu, Ismail Safian berada di kedudukan tertinggi, iaitu sebanyak 34 peratus. Selebihnya menamakan Kamarulail Haji Sulaiman dengan tujuh peratus. Dato' Kamilia Ibrahim sebanyak 1.3 peratus dan Dato' Jins Shamsuddin memperolehi 0.3 peratus. Selebihnya masih belum mengetahui dan mengenali calon yang dikemukakan sebanyak 58 peratus (Rajah 5).

ISBN 978-967-11396-1-5



9 789671 139615

Dicetak oleh  
Penerbit Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur